



Penguasaan Kata Kerja Terbitan berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder (1981) dalam Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

The Mastery of Derivative Verbs Based on Corder's Error Analysis Theory (1981) Among Students in Tamil Vernacular Schools

Pavitra Vasuthevan* & Vijaya Letchumy Subramaniam

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

*Corresponding author: tindakanpavitra@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.3.2025>

Abstract

This study aims to identify and analyse the mastery level of derivative verbs based on Corder's (1981) Theory of Error Analysis among Tamil vernacular school students. Corder's (1981) Theory of Language Error Analysis is applied to examine language errors using both qualitative and quantitative methods, with a focus on students learning Malay as a second language in acquiring mastery of derivative verbs. The findings indicate that the proficiency level in derivative verbs among Tamil vernacular school students is relatively low. This study provides a foundation for addressing challenges in the formation of derivative verbs in writing and aims to heighten educators' awareness of Tamil vernacular school students' proficiency levels in mastering these verbs. The findings of this research will directly address and bring greater attention to the frequently overlooked challenges in derivative verb formation.

Keywords: 21st century learning, curriculum and assessment standard document, derivative verbs, Malay grammar

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis tahap penguasaan kata kerja terbitan berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder (1981) dalam kalangan murid SJK(T). Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder (1981) digunakan untuk menganalisis kesalahan bahasa menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan memfokuskan murid yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam penguasaan kata kerja terbitan. Hasilnya, tahap penguasaan kata kerja terbitan dalam kalangan murid SJK(T) berada pada tahap yang rendah. Kajian yang dihasilkan merupakan titik permulaan untuk mengatasi masalah kesalahan pembentukan kata kerja terbitan dalam aspek penulisan dan memberikan kesedaran kepada warga pendidik tentang tahap penguasaan kata kerja terbitan dalam kalangan murid SJK(T). Hasil penyelidikan ini secara langsung akan menyelesaikan masalah pembentukan kata kerja terbitan yang kurang diberi perhatian.

Kata Kunci: Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP), kata kerja terbitan, Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21), tatabahasa Bahasa Melayu



Pengenalan

Keputusan peperiksaan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) pada tahun 2023 di sebuah sekolah yang diklasifikasikan sebagai sekolah bandar di daerah Petaling mencatatkan penurunan berbanding dengan peperiksaan UASA tahun sebelumnya. Setelah meneliti skrip jawapan murid, salah satu faktor kemerosotan ini ialah murid kerap melakukan kesalahan ejaan terutamanya perkataan yang menggunakan imbuhan yang menjurus kepada kesalahan tatabahasa. Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa murid menghadapi masalah penguasaan tatabahasa dari aspek morfologi. Menurut Vijayaletchumy Subramaniam, Pavitra Vasuthevan dan Kavenia Kunasegran (2024), murid-murid menghadapi masalah dalam penggunaan tatabahasa yang betul dalam kalangan murid. Oleh sebab itu, kajian tentang masalah dalam pembelajaran bahasa sangat penting untuk mengenal pasti aspek kelemahan murid (Anne dan Saidatul, 2021). Konteks penggunaan imbuhan dalam ayat memainkan peranan yang penting untuk menyampaikan makna tanpa menjejaskan idea sebenar (Nurul Adzwa Ahmad, Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Norfaizah Abdul Jobar, 2020). Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Amirra Shazreena dan Vijayaletchumy (2019) membuktikan bahawa penguasaan imbuhan dalam kalangan murid SJK(T) sangat lemah. Alhaadi dan Zaitul Azma Zainon (2018) turut membuktikan bahawa kesalahan imbuhan yang kerap dilakukan oleh murid adalah dari segi penggunaan imbuhan awalan kata kerja di- dan meN-. Faktor kekurangan pengetahuan tentang sistem bahasa Melayu dan kekeliruan tentang makna perkataan menyebabkan berlakunya kesalahan dalam bahasa (Zaliza, 2018). Kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini didapati hanya menyentuh imbuhan yang tertentu sahaja dan tidak dikhususkan kepada imbuhan kata kerja. Tambahan pula, tiada analisis yang dilakukan untuk mengenal pasti masalah murid dalam menguasai kata kerja terbitan secara keseluruhan dengan betul. Justeru, hal ini memberikan lompang kepada pengkaji untuk mengenal pasti dan menganalisis kesalahan yang dilakukan dalam proses pembentukan kata kerja terbitan berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder (1981) yang boleh mengukuhkan pemahaman murid.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengenal pasti tahap penguasaan kata kerja terbitan dalam kalangan murid SJK(T) dan pendekatan kualitatif untuk menjelaskan masalah yang dihadapi oleh murid dalam penguasaan kata kerja terbitan. Penilaian dalam bentuk ujian bertulis kata kerja terbitan digunakan untuk menguji aspek kebolehan dalam mengenal pasti kata kerja terbitan, menulis imbuhan kata kerja dan mengenal pasti kata kerja terbitan dalam sebuah petikan. Sistem pemarkahan yang ditentukan dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah digunakan bagi mengetahui tahap pencapaian murid. Markah yang telah diambil oleh murid akan diklasifikasikan mengikut mengikut julat pemarkahan yang ditetapkan oleh KPM berdasarkan gred. Tahap penguasaan kata kerja terbitan murid boleh didapati melalui gred tersebut. Kajian ini juga menggunakan teknik pemerhatian turut serta dan analisis dokumen (hasil karangan murid). Kajian ini melibatkan 100 orang murid Tahun 5 yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder (1981) digunakan untuk menganalisis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid dalam penguasaan kata kerja terbitan.



Dapatan

Keputusan ujian bertulis kata kerja terbitan telah diklasifikasikan mengikut julat pemarkahan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan dianalisis mengikut Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder (1981). Markah yang telah diperolehi oleh murid melalui ujian ini telah menentukan tahap penguasaan murid dari aspek mengenal pasti dan membentuk kata kerja terbitan tanpa kesalahan ejaan.

Jadual 1

Julat Pemarkahan yang ditetapkan oleh KPM

Skor Purata	Gred	Interpretasi
82-100	A	Cemerlang
66-81	B	Kepujian
50-65	C	Baik
35-49	D	Memuaskan
20-34	E	Mencapai Tahap Minimum
0-19	F	Belum Mencapai Tahap Minimum

Sumber: Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS)

Berdasarkan dapatan kajian menerusi ujian bertulis kata kerja terbitan yang diberikan, analisisnya secara keseluruhan adalah seperti berikut:

Jadual 2

Analisis Keputusan Ujian Bertulis Kata Kerja Terbitan

Bahagian	Cemerlang	Kepujian	Baik	Memuaskan	Mencapai Tahap Minimum	Belum Mencapai Tahap Minimum
Bahagian A						
Mengenal pasti kata kerja terbitan dengan betul	18%	50%	9%	7%	8%	8%
Bahagian B						
Menentukan kata kerja terbitan dengan betul	38%	33%	7%	15%	3%	4%
Bahagian C						
Mencari kata kerja terbitan dalam petikan	16%	25%	17%	9%	18%	15%
Bahagian D						
Membentuk kata kerja terbitan	1%	8%	3%	5%	25%	58%

Perbincangan dan Kesimpulan

Berdasarkan Jadual 2, murid-murid menunjukkan keupayaan untuk mengenal pasti kata kerja terbitan dalam ayat atau teks, tetapi gagal dalam membentuk kata kerja terbitan dengan menggabungkan imbuhan kata kerja tanpa kesalahan ejaan. Perkara ini menyebabkan murid sering melakukan kesalahan ejaan seperti yang telah dibuktikan oleh Ooi Chee Hwa & Vijaletchumy Subramaniam (2018) bahawa murid yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sering melakukan kesalahan ejaan dalam



penulisan. Hal ini disebabkan, murid gagal untuk mengenal pasti imbuhan kata kerja yang sesuai bagi satu kata dasar akibat kekurangan pengetahuan tentang pembentukan kata kerja terbitan yang betul. Dalam bahagian A, kebanyakan murid boleh mengenal pasti kata kerja terbitan. Walau bagaimanapun, kesalahan paling menonjol dalam bahagian ini ialah murid menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti kata kerja terbitan yang menggunakan imbuhan kata kerja di- iaitu untuk perkataan diangkat. Murid mengalami kekeliruan bahawa imbuhan di- bukan imbuhan kata kerja. Dalam bahagian B, kesalahan yang amat signifikan ialah murid memilih kata nama terbitan ‘persiapan’ dan ‘kepentingan’ sebagai kata kerja terbitan. Hal ini menunjukkan murid menganggap imbuhan apitan “per...an” dan “ke...an” sebagai imbuhan kata kerja yang membentuk kata kerja terbitan. Hasil kajian ini telah dibuktikan oleh Alhadi Ismail dan Zaitol Azma Zainon Hamzah (2018) melalui kajian yang dilakukan dalam kalangan murid Cina semasa penelitian penulisan pelajar bahasa kedua yang mendapati murid sering melakukan kesalahan dalam penggunaan imbuhan awalan “per-”. Bahagian C menunjukkan kebanyakan murid telah melakukan kesalahan yang sama iaitu menyenaraikan perkataan yang mengandungi imbuhan awalan “peN-“ dan imbuhan apitan “ke...an” sebagai kata kerja terbitan seperti “perjalanan”, “perkelahan”, dan “kebersihan”. Selain itu, hasil kesalahan murid ini mendapati murid tidak memahami perbezaan antara kata kerja dengan kata kerja terbitan. Kebanyakan murid telah menyenaraikan perkataan “balik” dan “pulang” sebagai kata kerja terbitan. Perkataan-perkataan tersebut dikelompokkan dalam kata kerja kerana tidak mengalami proses pengimbuhan. Dalam bahagian D, kesalahan yang dilakukan oleh murid boleh dibahagikan kepada dua iaitu penggabungan imbuhan yang salah dengan kata dasar dan penggunaan imbuhan kata nama dan kata adjektif untuk membentuk kata kerja terbitan. Hal ini disebabkan kekurangan pendedahan dan pengetahuan tentang imbuhan yang terlibat dalam proses pembentukan kata kerja terbitan yang menyebabkan murid melakukan banyak kesalahan ejaan dengan memilih imbuhan yang tidak betul. Selain itu, murid juga kurang mengetahui tentang kaedah pemilihan imbuhan berdasarkan huruf pertama dalam kata dasar yang menyebabkan murid melakukan kesalahan ejaan. Keputusan bahagian ini membuktikan bahawa murid menghadapi kekeliruan dalam memilih imbuhan yang tepat untuk membentuk kata kerja terbitan.

Kesimpulannya, kajian tentang penguasaan kata kerja terbitan dalam kalangan murid SJK(T) menunjukkan murid berada dalam situasi kekeliruan tentang pembentukan kata kerja terbitan yang betul. Penggunaan bahasa ibunda dan bahasa Inggeris mempengaruhi keputusan ujian penilaian kata kerja terbitan. Hal ini disebabkan murid tidak mengamalkan penggunaan kata kerja terbitan dalam perbualan seharian kerana kegagalan bertutur dalam bahasa Melayu. Selain itu, murid tidak ditekankan kepada konsep kata kerja terbitan dan tiada pendedahan yang jelas tentang imbuhan yang melibatkan kata kerja. Perkara tersebut menyebabkan murid dibelenggu dengan kekeliruan antara imbuhan kata nama, kata kerja, dan kata adjektif. Kegagalan dalam pengkhususan pengajaran imbuhan telah membuatkan murid tidak mengetahui kewujudan kata kerja terbitan. Terdapat juga situasi di mana murid mengetahui tentang kewujudan kata kerja terbitan tetapi tidak arif dalam penggunaan imbuhan yang betul berdasarkan huruf pertama kata dasar.

Penyataan Etika

Kajian ini telah mendapat kelulusan melalui e-RAS (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan), no. rujukan (KPM.600-3/2/3-eras(21004) bertarikh 30 Julai 2024.

Penyataan Kredit Penulis

Pavitra Vasuthevan: Anotasi Teks, Pengkonsepkan, dan Penulisan; Vijaya Letchuny Subramaniam: Semakan dan Penyuntingan.



Penghargaan

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan untuk keuntungan.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- Alhaadi Ismail dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi. *Jurnal Linguistik*, 22(1), 024-031.
- Amirra Shazreena Aminul Razin dan Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1), 3-13.
- Anne dan Saidatul. (2021). Penguasaan Murid tentang Penggunaan Imbuhan MeN-, di- dan BeR- dalam Penulisan Karangan Respons Terbuka. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 32(2), 89-110.
- Nurul Adzwa Ahamad, Nur Farakhanna Mohd Rusli dan Norfaizah Abdul Jobar.(2020). Analisis kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan pelajardan hubung kait dari segi makna gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 77-90.
- Ooi Chwee Hwa dan Vijayaletchumy Subramaniam. (2018). *Keberkesanan Modul dalam Meningkatkan Penguasaan Imbuhan meN dan peN dalam Kalangan Murid SJKC*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malays.
- Vijayaletchumy Subramaniam, Pavitra Vasuthevan dan Kavenia Kunasegran. (2024). Usage of Prepositions among Tamil Vernacular School Students Based on Corder's Error Analysis Theory (1973). *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 14(4), 1-10.
- Zaliza Mohamad dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 134, 408-415.